

KEMAHIRAN EMPLOYABILITY:
(EMPLOYABILITY SKILLS)
KONSEP DAN PENGERTIAN DARI PENKKAJI BARAT

Oleh:

Yahya bin Buntat
Prof.Madya.Dr.Muhammad Rashid bin Hj.Rajuddin
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Pengenalan

DI MALAYSIA kajian berkaitan kemahiran employability ini kurang sekali dijalankan oleh para penyelidik tempatan. Kebanyakan para penyelidik tempatan membuat kajian erhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal yang dapat dikendalikan dan difahami dengan lebih jelas kerana kebanyakannya ia melibatkan penggunaan peralatan yang dapat dilihat secara jelas menggunakan mata kasar. Ia berbeza dengan aspek kemahiran employability, kerana kebanyakan aspek kemahiran tersebut tidak dapat dilihat secara jelas atau dimasukkan secara khusus dalam sesuatu program yang akan dijalankan. Kebanyakan kemahiran employability ini mempamerkan kebolehan dalam bentuk perlakuan dalaman dalam diri seseorang individu yang merupakan sama kepentingannya dengan kemahiran teknikal bagi melahirkan individu pekerja yang trampil dalam bidang pekerjaannya.

Konsep dan Pengertian

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk menjelaskan maksud berkaitan dengan kemahiran employability. Kebanyakan istilah tersebut memberi tumpuan ke atas tajuk yang berkaitan dengan gambaran personal, sikap, tabiat, dan juga tingkahlaku; cara

berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi. Gainer (1988) telah membuat satu ringkasan terhadap satu kumpulan kemahiran employability seperti berikut: Ketrampilan individu yang meliputi (kemahiran komunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran komputer, dan kemahiran berbudaya), Kemahiran Kebolehpercayaan Individu yang meliputi (pengurusan individu, beretika, dan kematangan vokasional). Kemahiran pengubahsuaian ekonomi (Kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran employability, dan juga pembangunan kerjaya).

Lankard (1990) pula mendefinisikan kemahiran employability meliputi gambaran personal, kemahiran interpersonal dan juga sikap dan tingkahlaku yang baik. “The Conference Board of Canada” (1996) dalam satu artikel yang bertajuk, “Yukon Work Futures: Skills for Today’s Workplace”, telah mendefinisikan kemahiran employability sebagai satu istilah yang digunakan untuk menjelaskan kemahiran dan juga kualiti individu yang dikehendaki oleh para majikan terhadap pekerja baru apabila mereka mula bekerja. Kemahiran-kemahiran dan juga kualiti individu yang diperlukan ini adalah berguna kepada semua pihak, tidak kira dalam bidang usaha secara kecil-kecilan, mahupun bidang usaha berskala besar, atau dalam kerajaan. Kemahiran employability adalah kemahiran yang boleh dipindahkan dari satu bidang kerja ke satu bidang kerja lain. Ia tidak meliputi kemahiran dan kualiti yang diperlukan oleh sesuatu bidang pekerjaan yang khusus sahaja, malah merangkumi semua bidang kerjaya.

Overtoom (2000) dalam satu artikel “Eric Digest” bertajuk “Employability Skills: An Update” telah mendefinisikan kemahiran employability seperti berikut:

“Employability skills are transferable core skill group that represent essential functional and enabling knowledge, skills, and attitudes required by the 21st century workplace. They are necessary for career success at all levels of employment and for all levels of education.”

Di Barat, mereka telah melihat kemahiran employability ini adalah merupakan salah satu daripada aspek kemahiran yang perlu diberi perhatian dan sering dikaji. Mereka menganggap bahawa aspek kemahiran ini adalah satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus diketahui dan dimiliki oleh setiap pekerja untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang benar-benar trampil dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang mereka terokai.

-----@ @ @ @ @ @ @ @ @ @-----